

## **PEMATUHAN PRINSIP PENYIMPANAN DALAM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI OLEH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN**

**NAWAL BINTI SHOLEHUDDIN**  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
nawal@kuis.edu.my

**SURIANOM BINTI MISKAM**  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
surianom@kuis.edu.my

**FARAH BINTI MOHD SHAHWAHID**  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
farahms@kuis.edu.my

**TUAN NURHAFIZA BINTI RAJA ABDUL AZIZ**  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
tuan.nurhafiza@kuis.edu.my

**NAQIBAH BINTI MANSOR**  
mansornaqibah@gmail.com

### **ABSTRAK**

*Undang-undang perlindungan data peribadi di Malaysia menggariskan beberapa tanggungjawab berkaitan pemprosesan data peribadi ke atas institusi pengajian tinggi swasta yang dikenali sebagai pengguna data. Salah satu daripada tanggungjawab pengguna data ialah mematuhi prinsip penyimpanan yang merupakan salah satu daripada tujuh prinsip perlindungan data peribadi yang termaktub di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi. Kesan ketidakpatuhan terhadap prinsip ini boleh menyebabkan pengguna data didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali. Mengikut prinsip penyimpanan, perlu ada tempoh had masa yang munasabah bagi pengguna data untuk menyimpan data peribadi pemilik data. Kajian ini akan mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk mematuhi prinsip penyimpanan serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi swasta. Kajian berbentuk kualitatif ini akan melibatkan kajian kepustakaan dan temubual. Kajian ini mendapati bahawa komunikasi yang efektif dan berterusan dengan pihak berkuasa sangat membantu sesebuah institusi pengajian tinggi swasta dalam mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi kerana ketiadaan tataamalan khusus untuk sektor pendidikan pada masa kini.*

**Kata kunci:** Prinsip penyimpanan, perlindungan data peribadi, institusi pengajian tinggi swasta, Malaysia

### **PENGENALAN**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) telah diperkenalkan untuk mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi untuk tujuan transaksi komersial. APDP 2010 mendefinisikan transaksi komersial sebagai

apa-apa perkara yang berhubung dengan pembekalan dan pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, sama ada secara kontrak atau tidak. Maka, APDP 2010 adalah suatu perundangan yang mempunyai pemakaian terhad dan bukannya merupakan perundangan untuk perlindungan hak privasi dalam konteks “right to be left alone” dan hak untuk hidup bebas dari gangguan pihak lain secara amnya (Abdul Manap, 2020).

Akta ini terpakai kepada golongan pengguna data yang disenaraikan di dalam Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 iaitu komunikasi, perbankan dan institusi kewangan, insurans, kesihatan, pelancongan dan hospitaliti, pengangkutan, pendidikan, jualan langsung, perkhidmatan, harta tanah dan utiliti. Untuk Sektor pendidikan, ia merujuk kepada institusi pendidikan tinggi swasta berdaftar di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996. Maka, fokus kajian ini hanya kepada kepada institusi pendidikan tinggi bukan milik kerajaan.

APDP 2010 mendefinisikan pengguna data sebagai orang yang memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi. Pemprosesan data peribadi di sini bermaksud mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian terhadap data peribadi itu. Data peribadi ditakrifkan sebagai apa-apa maklumat yang digunakan di dalam transaksi komersial yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seseorang subjek data (pemilik data) yang dikenalpasti daripada maklumat tersebut contohnya nama, alamat dan nombor kad pengenalan, rekod perubatan. Oleh itu, untuk kajian ini, pengguna data adalah institusi pengajian tinggi swasta dan subjek data atau pemilik data adalah staf atau pekerja institusi tersebut, pelajar, pelawat dan sesiapa sahaja yang memberikan data peribadi mereka kepada institusi tersebut untuk diproses. Antara data-data yang diproses oleh pihak institusi adalah nama, nombor kad pengenalan, alamat rumah, alamat emel, nombor telefon, rekod kesihatan, gaji serta nama pasangan dan anak-anak.

Undang-undang perlindungan data peribadi di Malaysia menggariskan beberapa tanggungjawab berkaitan pemprosesan data peribadi ke atas institusi pengajian tinggi swasta. Salah satu daripada tanggungjawab pengguna data ialah mematuhi prinsip penyimpanan yang merupakan salah satu daripada tujuh prinsip perlindungan data peribadi yang termaktub di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi. Kesan ketidakpatuhan terhadap prinsip-prinsip tersebut boleh menyebabkan institusi pengajian tinggi swasta didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali. Tujuh prinsip yang mendasari undang-undang perlindungan data peribadi adalah Prinsip Am, Prinsip Notis dan Pilihan, Prinsip Penzahiran, Prinsip Keselamatan, Prinsip Penyimpanan, Prinsip Integriti Data dan Prinsip Akses (Sholehuddin et al., 2021). Prinsip-prinsip ini disebut didalam APDP 2010 bermula dari seksyen 6 sehingga seksyen 12.

Berkenaan dengan prinsip penyimpanan, seksyen 10(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 menyatakan bahawa data peribadi yang diproses oleh institusi pengajian tinggi swasta bagi apa-apa maksud tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud itu. Manakala seksyen 10(2) Akta yang sama mewajibkan institusi pengajian tinggi swasta untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.

Jika dilihat kepada golongan pengguna data yang lain contohnya di dalam sektor utiliti dan perbankan, mereka mempunyai tataamalan khusus yang akan menjadi rujukan utama dalam memastikan tiada perlanggaran terhadap Akta. Mereka akan merujuk tataamalan tersebut sebelum mengambil sesuatu tindakan untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi. Namun begitu, tiada tataamalan khusus yang menjadi panduan dalam memastikan data peribadi yang diproses adalah mematuhi Akta ini untuk sektor pendidikan. Ini merupakan suatu cabaran bagi institusi-institusi pengajian tinggi swasta dalam memenuhi keperluan undang-undang yang termaktub di dalam Akta.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi menjadi salah satu daripada tumpuan utama insitusi pengajian tinggi swasta dalam memastikan ianya terhindar daripada implikasi ketidakpatuhan Akta tersebut seterusnya menjaga nama baik serta reputasi institusi. Sektor perkhidmatan atau *service* amat bergantung dengan nama baik serta reputasi dalam menawarkan perkhidmatan mereka, dan di dalam kes ini, ianya melibatkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi pengajian tinggi swasta dalam memproses data peribadi mereka. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji bagaimana pengajian tinggi swasta memenuhi keperluan undang-undang berkaitan prinsip penyimpanan. Dalam erti kata lain, kajian ini mengkaji cara atau tindakan yang diambil untuk memastikan prinsip penyimpanan tidak dilanggar dalam segala aspek pemprosesan data peribadi pemilik data yang kebanyakannya terdiri daripada staf institusi tersebut, pelajar dan pelawat serta isu dan cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi swasta.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dibangunkan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sepenuhnya iaitu memanfaatkan kajian kepustakaan dan temubual. Antara bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak yang dianalisis adalah merangkumi Akta Perlindungan Data Peribadi, Standard Perlindungan Data Peribadi, perundangan subsidiari termasuk Perintah-perintah dan Peraturan-peraturan berkaitan, artikel jurnal, buku dan laman web rasmi Jabatan Perlindungan Data Peribadi di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital. Kaedah analisis temu bual yang digunakan adalah berbentuk separa berstruktur. Sesi temu bual dilaksanakan secara bersemuka. Informan yang terlibat dalam sesi temu bual adalah terdiri daripada pegawai-pegawai undang-undang dan pegawai-pegawai hal ehwal pelajar daripada dua buah universiti swasta di Malaysia. Kesemua informan adalah individu yang terlibat secara langsung dalam pemprosesan data peribadi di institusi masing-masing. Kajian membuktikan bahawa institusi-institusi tersebut amat prihatin terhadap aspek pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Kepentingan data dalam era teknologi dan maklumat mengakibatkan penggubalan undang-undang perlindungan data yang bertujuan untuk melindungi kepentingan subjek data atau pemilik data dan pada masa yang sama menggalakkan dan memudahkan pergerakan data (Ahmed and Zulhuda, 2019). Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP 2010) mempengaruhi bagaimana seseorang menggunakan data peribadinya dalam transaksi komersial, e-dagang dan dalam talian (Abdul Ghani et al., 2021). Selain itu,, undang-undang

ini membantu pengusaha dan peniaga dalam menyediakan perkhidmatan serta urus niaga perniagaan secara telus dan adil dan melindungi pemilik data penyalahgunaan data terutama data peribadi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menurut prinsip penyimpanan yang termaktub didalam seksyen 10 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan. Ungkapan “tidak boleh disimpan” dalam seksyen tersebut menunjukkan bahawa pengguna data wajib membuang data apabila ia tidak lagi diperlukan untuk tujuannya, namun Akta tidak menentukan tempoh penyimpanan data peribadi, (Mohd Shahwahid & Miskam, 2015). Seterusnya, Akta menyebut bahawa data peribadi perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses. Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi boleh dijadikan panduan untuk memenuhi tujuan di atas. Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bertujuan untuk menguatkuasakan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi, peraturan-peraturan dan standard serta merupakan garis panduan kepada golongan pengguna data yang tidak menyediakan Tataamalan dan tiada forum pengguna data untuk membangunkan Tataamalan yang berkaitan. Objektif tataamalan umum ini adalah untuk menetapkan amalan-amalan terbaik kepada pengguna data bagi membantu pengguna data dalam memenuhi keperluan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi semasa menjalankan transaksi komersial. Tataamalan ini hendaklah dibaca bersama dengan APDP, peraturan-peraturan dan apa-apa yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Ketidakpatuhan terhadap tataamalan umum boleh menyebabkan pengguna data didenda atau dipenjara atau kedua-duanya sekali.

Di dalam tata amalan umum ini, dijelaskan bahawa sesuatu data peribadi boleh disimpan selama mana data tersebut diperlukan dengan syarat bahawa penyimpanan tersebut selaras peruntukan undang-undang. Oleh itu, pengguna data perlu kenalpasti keperluan mereka untuk menyimpan data peribadi tersebut untuk suatu tempoh atau selama-lamanya. Tataamalan ini juga menetapkan standard penyimpanan bagi data peribadi yang diproses secara elektronik dan data peribadi yang diproses bukan secara elektronik yang perlu dibaca sekali dengan dengan standard penyimpanan dalam Bahagian II, No. 6, Standard Perlindungan Data Peribadi 2015. Standard Penyimpanan yang merupakan suatu kehendak minimum yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dalam Standard Perlindungan Data Peribadi 2015 menyatakan bahawa pengguna data hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal. Jika data peribadi itu tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses dengan menentukan semua perundangan yang berkaitan dengan pemprosesan dan penyimpanan data peribadi dipenuhi sebelum memusnahkan data peribadi, tidak menyimpan data peribadi lebih lama daripada yang diperlukan melainkan terdapat peruntukan undang-undang lain seperti seksyen 82 Akta Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Had Masa 1953 (Abdul Majid et al., 2019) yang memerlukan penyimpanan yang lebih lama, menyediakan dan menyelenggara rekod pelupusan data peribadi dan rekod tersebut hendaklah dikemukakan apabila diarahkan oleh Pesuruhjaya, melupuskan borang pungutan data peribadi yang digunakan untuk transaksi komersil dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari, melainkan borang tersebut mempunyai nilai perundangan yang berkaitan dengan transaksi komersial tersebut. menyemak dan melupuskan semua data peribadi yang tidak diperlukan di dalam pangkalan data, mempunyai jadual pelupusan data peribadi yang tidak aktif bagi tempoh 24 bulan, menyelenggara dengan sempurna dan membenarkan penggunaan peranti media mudah alih (*removable media device*) untuk tujuan penyimpanan

data peribadi dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada pengurusan atasan organisasi. Selain itu, Peraturan 7 Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 memperuntukkan bahawa data peribadi seorang pemilik data hendaklah disimpan mengikut standard penyimpanan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pesuruhjaya.

Tataamalan Umum juga menggariskan peraturan berkaitan pelupusan data peribadi. Data peribadi dalam bentuk manual mestilah dilupuskan. Berkennaan aktiviti pelupusan ini, pengguna data hendaklah memilih aktiviti pelupusan yang sesuai. Begitu juga dengan data dalam bentuk elektronik dan yang disimpan diperanti media mudah alih atau pamacu cakera keras, data tersebut perlu dipadam dan langkah yang munasabah perlu diambil oleh pengguna data untuk tujuan tersebut. Seterusnya, Tataamalan Umum mewajibkan segala aktiviti pelupusan direkodkan sebagai bukti aktiviti pelupusan. Ianya boleh dilakukan dalam bentuk buku log, gambar dan sebarang bentuk yang difikirkan sesuai dan munasabah.

## HASIL KAJIAN

Dapatan daripada temubual yang diadakan, didapati di kedua-dua institusi, terdapat pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan di setiap bahagian, unit, jabatan, fakulti yang ada di institusi tersebut untuk memastikan kepatuhan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi. Amalan ini amat berkesan dalam memastikan kepatuhan kepada Akta secara keseluruhan. Pegawai-pegawai tersebut akan mengenalpasti dan memantau setiap data peribadi yang diproses oleh setiap staf institusi tersebut. Untuk aspek pematuhan prinsip penyimpanan, pegawai-pegawai akan memastikan tempoh penyimpanan data peribadi tidak melanggar peruntukan Akta. Oleh itu, salah satu daripada amalan yang dilakukan untuk memastikan setiap unit, bahagian, jabatan di institusi tersebut mempunyai jadual tempoh penyimpanan dokumen-dokumen yang mengandungi data peribadi, juga diwujudkan agar dokumen-dokumen tersebut dapat dipantau agar tidak melanggar keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi. Berkennaan dengan jadual pelupusan, salah satu informan berkongsi jadual tempoh penyimpanan yang mengandungi kategori dokumen, tempoh penyimpanan, serta justifikasi.

Salah satu institusi menyatakan bahawa mereka mewujudkan jadual pelupusan data peribadi yang disimpan secara manual atau elektronik dan tidak aktif dalam tempoh 24 bulan. Institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah membuat jadual pelupusan data peribadi yang disimpan secara manual atau elektronik dan tidak aktif dalam tempoh 24 bulan. Manakala, segala borang yang tidak mempunyai nilai bagi tugas-tugas harian seperti dokumen yang salah difotokopi atau dokumen-dokumen yang dicetak berlebihan dilupuskan dalam masa 14 hari. Panduan ini penting untuk memastikan tiada dokumen yang mengandungi data peribadi disimpan selepas tujuan pemprosesannya telah dipenuhi.

Berkaitan pemusnahan data peribadi manual, iaitu data peribadi yang dikumpul atau diproses secara manual, ianya hendaklah dimusnahkan dengan mesin perincih dan tidak boleh dikoyak. Ini dapat memastikan pemusnahan secara total. Selain itu, pemadaman secara kekal data peribadi yang diproses secara elektronik contohnya data peribadi yang disimpan di *hard disk* atau *thumb drive* juga dilakukan. Aktiviti pelupusan data peribadi juga dilakukan secara *on-site shredding* kerana dokumen-dokumen yang mengandungi data peribadi dalam jumlah yang amat besar. Kajian dapati keperluan untuk aktiviti dengan cara begitu lebih menjimatkan daripada membawa dokumen-dokumen tersebut keluar dari institusi ke tempat pelupusan. Terdapat beberapa syarikat di Malaysia yang menjalankan perkhidmatan

pelupusan ditempat dokumen berada. Syarikat ini akan membawa mesin pelupusan ke tempat tersebut. Maka, didapati bahawa terdapat implikasi kewangan yang perlu dimasukkan di dalam bajet institusi tersebut untuk memastikan aktiviti pelupusan dapat dijalankan dengan sempurna. Oleh itu, dokumen tidak diperlukan yang tidak dilupuskan dan dokumen disimpan di tempat yang tidak sesuai bukanlah amalan yang baik dan perlu dihindari.

Kajian mendapati bahawa amalan utama yang boleh membantu dan memastikan institusi-institusi pengajian tinggi dalam pematuhan Akta adalah dengan mewujudkan garis panduan atau polisi atau pekeliling perlindungan data peribadi oleh institusi tersebut yang terpakai kepada semua staf institusi. Amalan ini dilakukan oleh kedua-dua institusi yang ditemubual yang mana garis panduan yang diperkenalkan menjadi panduan kepada setiap staf dalam pemprosesan data peribadi. Garis panduan tersebut yang dikeluarkan oleh pengurusan tertinggi institusi mengandungi panduan di mana data peribadi disimpan, tempoh masa data peribadi disimpan dan justifikasinya, tanggungjawab berkenaan jadual pelupusan dan bagaimana data peribadi dilupuskan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh institusi informan dalam aspek pematuhan prinsip penyimpanan adalah berkaitan dengan data bekas pelajar atau alumni institusi tersebut. Selain itu, terdapat juga persoalan berkaitan data pekerja yang telah berhenti, diberhentikan atau yang telah bersara, adakah data peribadi mereka harus atau perlu disimpan oleh institusi tersebut? Kajian mendapati bahawa isu-isu berkaitan tempoh penyimpanan dapat diatasi dengan memberi justifikasi kepada tempoh penyimpanan data peribadi tersebut. Jika data peribadi pekerja yang telah berhenti difikirkan wajar oleh institusi berkaitan untuk disimpan selama-lamanya, maka justifikasi yang wajar perlu diberikan. Sebarang keraguan, rujukan ke Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JDPD) hendaklah dibuat. JDPD merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial supaya tidak disalahguna dan disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. JDPD juga merupakan badan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi. Maka rujukan kepada JDPD adalah rujukan terbaik untuk menghadapi cabaran dalam pematuhan Akta.

Kajian juga mendapati bahawa pelaksanaan perlindungan data peribadi di setiap, unit, bahagian dan jabatan di institusi sangat berkesan dalam memastikan tiada perlanggaran Akta. Selain itu, pemantauan berkala oleh sebuah jawatankuasa terhadap pematuhan setiap unit, bahagian dan jabatan amat diperlukan agar pematuhan dapat dijalankan dengan menyeluruh dan sempurna. Aspek yang lain yang membawa kepada pematuhan yang menyeluruh adalah dengan melengkapkan ilmu dan kesedaran berkaitan perlindungan data peribadi kepada setiap staf institusi. Ini memudahkan institusi tersebut untuk memastikan data peribadi diproses mengikut undang-undang dan mengurangkan risiko berlakunya perlanggaran undang-undang.

## KESIMPULAN

Dalam memenuhi kehendak undang-undang, pengguna data iaitu institusi pengajian tinggi swasta perlu mempunyai justifikasi berkaitan tempoh masa yang dipilih untuk penyimpanan data peribadi. Institusi tersebut perlu merujuk kepada Tataamalan Umum serta Standard Penyimpanan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya untuk mengenalpasti langkah-langkah yang sesuai, munasabah dan wajar untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi. Selain daripada itu, komunikasi yang efektif dan berterusan dengan pihak berkuasa sangat membantu sesebuah institusi pengajian tinggi swasta dalam mematuhi undang-undang

perlindungan data peribadi kerana ketiadaan tataamalan khusus untuk sektor pendidikan pada masa kini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Inovasi KUIS 2022 (Geran Penyelidikan Sekunder) (2022/P/GPIK/GPS-001).

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, F., Ahmad Razali, N. and Mohd Shabri, S. (2021). Akta Perlindungan Data Peribadi 2010: Satu Tinjauan. *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol.3, No. 1, 1-8, 2021.
- Abdul Majid, A., Majeed, S. & Ahrom, A. (2019). Managing Employee Data Under the Personal Data Protection Act 2010. *Legal Herald*, December 2019. [https://lh-ag.com/wp-content/uploads/2022/11/4\\_Managing-Employee-Data.pdf](https://lh-ag.com/wp-content/uploads/2022/11/4_Managing-Employee-Data.pdf)
- Abdul Manap, M. (2020). Perkembangan Undang-Undang Privasi Di England Dan Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Law & Governance*, Vol. 3 (No. 1) 2020 :1-17. e-ISSN: 2637-0743
- Ahmed, S. M. S., & Zulhuda, S. (2019). Data Protection Challenges in The Internet of Things Era: An Assessment of Protection Offered by PDPA 2010. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 01-12. DOI: 10.35631/ijlgc.417001
- Alibeigi A., Munir, A.B. and Asemi,A. (2021). Compliance with Malaysian Personal Data Protection Act 2010 by banking and financial institutions, a legal survey on privacy policies. *International Review of Law, Computers \& Technology*, Vol. 35, Issue 3, 365-394. DOI: 10.1080/13600869.2021.1970936
- Mohd Shahwahid, F. & Miskam, S. (2015). Personal Data Protection Act 2010: Taking the First Steps Towards Compliance. *Journal of Management & Muamalah*, Vol. 5, No. 2, 2015. eISSN 2180-1681.
- Sholehuddin, N., Mohd Shahwahid, F. & Mohamad Zan, U. M. S. (2021). Prinsip Penyimpanan Data Peribadi Pekerja: Satu Kajian Perundangan di Malaysia: A Legal Analysis on The Retention Principle of Employees' Personal Data Protection in Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 62–73.

## AKTA

- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010  
Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013  
Standard Perlindungan Data Peribadi  
Tataamalan Umum Perlindungan Data Peribadi